

Kajian Kepuasan Penduduk Terhadap Kualiti Perumahan Program Perumahan Rakyat (PPR)

Nurul Ain Sahira Mohd Salleh¹ & Aryani Ahmad Latiffi^{1,*}

¹Jabatan Pengurusan Pembinaan, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat Johor, 86400, MALAYSIA

*Corresponding Author

DOI: <https://doi.org/10.30880/rmtb.2021.02.02.049>

Received 30 September 2021; Accepted 01 November 2021; Available online 01 December 2021

Abstract: The low level of quality of PPR housing has resulted in the issue of dissatisfaction of the residents in PPR housing due to the incomplete provision of facilities. The very low level of security is causing concern among PPR housing residents. The study conducted to identify the factors that contribute to the problem of quality in PPR housing, study the population satisfaction with the quality in PPR housing and study the measures to improve the quality of PPR housing. Study data were obtained through a questionnaire distributed to respondents through the Google Form link. Respondents consisted of 123 residents of Taman Putra Damai PPR housing (Subang Valley 1). All data obtained were analyzed to make it easier to understand using Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 20.0. Based on the analysis has done, the main factors that contribute to the PPR housing quality problem are the safety factor and the health factor that has the frequency of strongly agree with the highest mean value. Meanwhile, the environmental aspect has a satisfactory level of satisfaction for the residents on the quality of PPR housing. The main level of satisfaction for the environmental aspect is the strategic residential location such as adjacent to schools, clinics and shops have a satisfactory frequency. Next, measures to maintain the cleanliness of residential areas such as recycling practices is the most important step to improve the quality of PPR housing. In conclusion, it can be seen that good house quality guarantees a high level of population satisfaction. It is hoped that this study can help the relevant parties to be more sensitive in improving the quality of PPR housing in the future.

Keywords: Program Perumahan Rakyat (PPR), Population satisfaction, Housing quality.

Abstrak: Tahap kualiti perumahan PPR yang rendah mengakibatkan timbul isu ketidakpuasan hati penduduk di perumahan tersebut. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh penyediaan kemudahan yang tidak lengkap selain tahap keselamatan yang sangat rendah yang menyebabkan kebimbangan penduduk perumahan PPR. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang menyumbang kepada masalah kualiti perumahan PPR, mengkaji sejauh mana tahap kepuasan penduduk terhadap kualiti

perumahan PPR dan mengkaji langkah-langkah untuk meningkatkan kualiti perumahan PPR. Data kajian diperolehi melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada responden melalui pautan *Google Form*. Responden terdiri daripada 123 orang penduduk perumahan PPR Taman Putra Damai (Lembah Subang 1). Kesemua data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian *Statistical Packages for Science Social (SPSS)* versi 20.0. Hasil analisis data menunjukkan bahawa faktor utama yang meyumbang kepada masalah kualiti perumahan PPR adalah faktor keselamatan dan faktor kesihatan yang mempunyai kekerapan sangat setuju bersamaan nilai min paling tinggi. Manakala, aspek persekitaran memiliki tahap kepuasan yang memuaskan bagi penduduk terhadap kualiti perumahan PPR. Tahap kepuasan utama bagi aspek persekitaran adalah lokasi kediaman yang strategik seperti berdekatan dengan sekolah, klinik dan kedai mempunyai kekerapan memuaskan. Seterusnya, langkah menjaga kebersihan kawasan kediaman seperti amalan kitar semula merupakan langkah paling utama bagi meningkatkan kualiti perumahan PPR. Kesimpulannya, kualiti rumah yang baik menjamin kepada tahap kepuasan penduduk yang tinggi. Diharapkan kajian ini dapat membantu pihak-pihak berkenaan untuk lebih peka dalam meningkatkan kualiti perumahan PPR pada masa akan datang.

Kata Kunci: Program Perumahan Rakyat (PPR), Kepuasan Penduduk, Kualiti Perumahan.

1. Pengenalan

Harga rumah yang sangat tinggi pada masa kini telah membebankan sesetengah golongan pembeli yang berpendapatan rendah untuk memiliki sebuah rumah (Malek & Husin, 2012). Oleh itu, pihak kerajaan ingin meringankan beban mereka dengan melaksanakan beberapa inisiatif seperti Program Perumahan Rakyat (PPR) sekaligus untuk mengatasi masalah perumahan setinggian di kawasan bandar. Memiliki sebuah rumah yang berkualiti tinggi adalah memerlukan modal yang besar bagi kos pembinaan (Zulkepli, 2011). Perumahan PPR di kategorikan kepada dua iaitu PPR Dimiliki dan PPR Disewa. Menurut data daripada Kementerian Perumahan dan Kementerian Tempatan (2012), status perlaksanaan perumahan PPR sehingga 2018 iaitu jumlah unit kediaman bagi rumah PPR Disewa sebanyak 73,439 dan 44,871 unit bagi rumah PPR Dimiliki.

1.1 Latar Belakang Kajian

Rumah adalah keperluan asas bagi setiap individu. Kos kehidupan yang ditanggung oleh individu yang menetap di kawasan bandar semakin meningkat sehingga menyukarkan golongan yang berpendapatan rendah untuk memiliki rumah sendiri (Malek & Husin, 2012). Perumahan PPR bertujuan untuk membantu rakyat Malaysia yang berpendapatan rendah untuk menyewa atau memiliki rumah sendiri (KPKT, 2012). Golongan berpendapatan rendah dan setinggian boleh menyewa rumah PPR dengan kadar RM124 sebulan. Manakala, bagi mereka yang ingin memiliki rumah sendiri hanya dengan kadar harga RM32,000 seunit bagi Semenanjung Malaysia dan RM42,000 seunit bagi Sabah dan Sarawak (KPKT, 2012). Segala perancangan dan rekabentuk perumahan PPR sama ada PPR Dimiliki atau PPR Disewa perlu merujuk kepada spesifikasi dan Piawaian Perumahan Kebangsaan Bagi Perumahan Kos Rendah Rumah Pangsa (KPKT, 2012).

1.2 Pernyataan Masalah

Penduduk perumahan PPR mengalami masalah kesesakan ahli isi rumah di dalam rumah kerana saiz rumah yang kecil dan kekurangan tempat letak kereta bagi penghuni rumah PPR. Hal ini mampu mempengaruhi ketidakpuasan hati penghuni disebabkan penyediaan saiz rumah yang kecil dan kekurangan jumlah bilik bagi isi rumah yang besar serta penyediaan tempat letak kenderaan di kawasan perumahan PPR (Terrence, 2016).

Perumahan PPR Taman Putra Damai dikesan mempunyai masalah kualiti keselamatan dimana tahap keselamatan kawasan perumahan tersebut dianggap rendah. Masalah seperti kualiti perumahan

yang dihadapi oleh penduduk perumahan PPR Taman Putra Damai yang serba daif, kotor, bocor sana sini, berbau dan langsung tidak selamat diduduki penduduk (Buletin TTKM, 2019). Manakala, PPR di Lembah Subang di kesan sebagai salah satu lokasi tumpuan pengedaran dan penjualan dadah (My Metro, 2015). Akibatnya, remaja yang tinggal di kawasan PPR itu turut terjebak dalam aktiviti jenayah berkenaan.

Selain itu, menurut Haryati (2012), isu ketidakpuasan hati penduduk di kawasan perumahan PPR terhadap kekurangan penyediaan kemudahan yang lengkap juga merupakan masalah di kawasan tersebut. Perkara ini berlaku kerana pihak pemaju tidak mengambil kira aspek-aspek kemudahan yang mempengaruhi ketidakpuasan hati penghuni perumahan PPR. Justeru, keadaan ini mampu mempengaruhi kualiti hidup penduduk sama ada baik atau kurang baik terhadap kemudahan yang disediakan di kawasan persekitaran (Haryati, 2012). Oleh itu, penyediaan perumahan yang berkualiti amatlah penting bagi menjamin kesejahteraan hidup penghuni rumah di kawasan tersebut.

Oleh itu, penyediaan rumah yang berkualiti yang dilengkapi dengan kemudahan asas yang baik boleh meningkatkan kualiti hidup penduduk perumahan PPR.

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- (i) Mengenalpasti faktor-faktor yang menyumbang kepada masalah kualiti perumahan PPR.
- (ii) Mengkaji tahap kepuasan penduduk terhadap kualiti perumahan PPR.
- (iii) Mengkaji langkah-langkah meningkatkan kualiti perumahan PPR.

1.4 Skop Kajian

Kajian ini tertumpu kepada penduduk PPR iaitu memfokuskan kepada lokasi kajian di PPR Taman Putra Damai (Lembah Subang 1), Petaling Jaya, Selangor. Terdapat dua jenis perumahan PPR di daerah Petaling Jaya, Selangor iaitu PPR Taman Putra Damai (Lembah Subang 1) dan PPR Lembah Subang 2. Kajian dilakukan di PPR Taman Putra Damai (Lembah Subang 1) kerana terdapat pelbagai masalah berkaitan kualiti perumahan disitu yang masih tidak diselesaikan oleh pihak berkuasa (Buletin TTKM, 2019).

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini dapat memberi cadangan penambahbaikan kualiti perumahan PPR kepada agensi seperti Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, SUK Bahagian Perumahan, Jabatan Perumahan Negara, Pihak Berkuasa Tempatan dan pihak pengurusan PPR. Kajian ini dapat memberi pencerahan kepada pihak yang terlibat agar kualiti perumahan PPR dapat dipertingkatkan pada masa akan datang. Selain itu, kajian ini dapat dijadikan panduan dan memberi manfaat kepada bidang akademik. Kajian ini dapat digunakan bagi tujuan rujukan kepada pelajar untuk meningkatkan pengetahuan mereka tentang aspek kualiti perumahan kos rendah seperti PPR. Kajian juga dapat memberi manfaat kepada penduduk perumahan PPR kerana kualiti perumahan yang baik dan selesa akan memberikan satu kepuasan kepada penduduk untuk menetap di perumahan PPR tersebut. Keselamatan mereka akan lebih terjamin dan dapat meningkat kualiti hidup mereka.

2. Kajian Literatur

Bahagian ini menjelaskan tentang rumah dan perumahan, definisi kepuasan perumahan, dan kualiti perumahan. Selain itu, PPR berkenaan dasar, jenis, konsep dan reka bentuk, faktor –faktor penyumbang kepada masalah kualiti perumahan, tahap kepuasan penduduk terhadap kualiti perumahan dan langkah-langkah meningkatkan kualiti perumahan.

2.1 Rumah dan Perumahan

Pada masa kini rumah merupakan aset yang sangat penting kepada setiap manusia. Rumah telah menjadi keperluan asas yang sangat penting sejak zaman prasejarah lagi sebagai tempat perlindungan

selain daripada makanan dan minuman kepada kehidupan setiap manusia (Hamzah *et al.*, 2011). Rumah boleh ditakrifkan sebagai keperluan asas manusia yang dijadikan sebagai tempat perlindungan dari panas dan hujan (Hamzahara, 2015). Menurut Zulkepli (2011), perumahan merupakan salah satu keperluan asas yang utama dalam kehidupan manusia bagi mencapai suatu taraf hidup yang sempurna dan selesa.

2.2 Kepuasan Perumahan

Setiap manusia memperoleh kepuasan yang berbeza dengan sesebuah rumah yang didiaminya. Menurut Ghani, Jaffar & Daud (2014), definisi kepuasan perumahan boleh dilihat melalui tiga aspek kepuasan iaitu aspek penilaian, perasaan dan sikap. Malahan, menurut Salleh & Badarulzaman (2012), merumuskan bahawa kepuasan perumahan merupakan petunjuk penting kepada kualiti hidup.

2.3 Kualiti Perumahan

Kualiti perumahan disebut sebagai keadaan perumahan. Kualiti perumahan secara amnya menunjukkan tahap kecukupan unit kediaman yang berkaitan dengan suasana rumah, reka bentuk dan infrastruktur bahan perumahan yang digunakan dalam bangunan, kuantiti ruang dalaman dan luaran yang mempengaruhi perkhidmatan dan penyediaan perumahan (Siddiqui & Mehfooz, 2017).

2.4 Program Perumahan Rakyat (PPR)

PPR adalah rancangan kerajaan untuk mengambil kembali tanah di kawasan setinggan dengan menyediakan rumah kos rendah kepada penduduk (Sulaiman, Hasan & Jamaluddin, 2016). Agensi-agensi yang bertanggungjawab untuk melaksanakan projek-projek PPR di Malaysia adalah Jabatan Perumahan Negara (JPN), serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Pembinaan perumahan PPR adalah bertujuan untuk mencapai matlamat setinggan sifar pada tahun 2000 dan menempatkan setinggan-setinggan yang terlibat dengan projek-projek pembangunan kerajaan di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) dan Lembah Klang dalam Negeri Selangor yang telah digazetkan oleh pihak kerajaan untuk pembangunan baru (Junaidi, 2018).

Menurut Dasar Perumahan Negara (2018), pihak KPKT dan Kerajaan Negeri telah membina sebanyak 102,603 unit rumah PPR bagi tempoh tahun 1998 sehingga 2016. Pembinaan rumah PPR yang dibina dalam tempoh tersebut telah menempatkan sejumlah 35,566 isi rumah setinggan di Malaysia tidak termasuk perumahan kos rendah yang dibina oleh pemaju swasta. Hasilnya bilangan isi rumah setinggan telah menurun dengan ketara dari 571,261 isi rumah pada tahun 1999 kepada hanya 52,503 pada Jun 2018 atau pengurangan sebanyak 91% dalam tempoh tersebut (DPN). Rumah PPR yang dibina untuk dijual dan disewa khususnya untuk rakyat Malaysia yang berpendapatan rendah dengan kadar harga yang mampu milik.

Rumah PPR terdiri daripada dua kategori iaitu rumah PPR Dimiliki dan PPR Disewa. kerajaan telah menetapkan harga jualan seunit rumah PPR Dimiliki sebanyak RM 35,000 bagi Semenanjung Malaysia dan RM 40,000 bagi Sabah dan Sarawak. Begitu juga dengan rumah PPR Disewa, pihak kerajaan telah menetapkan harga sewaan serendah RM124.00 sebulan. Rumah PPR terdiri daripada rumah pangsa berbilang tingkat, rumah pangsa lima tingkat dan rumah teres (KPKT, 2012).

Bagi perumahan PPR di Negeri Selangor, keluasan lantai bagi seunit rumah iaitu 700 kaki persegi. Sesebuah rumah PPR memiliki tiga bilik tidur, dua bilik mandi, dapur, kawasan untuk mengeringkan pakaian dan lantai berjubin (Junaidi, 2018). Semua bangunan flat yang bertingkat di bawah program perumahan PPR di Kuala Lumpur dan Lembah Klang, Selangor telah menggunakan reka bentuk 18 tingkat dengan 20 unit setiap tingkat (Goh & Yahaya, 2011).

2.5 Faktor-Faktor Yang Menyumbang Kepada Masalah Kualiti Perumahan PPR

(a) Faktor Keselamatan

Keselamatan persekitaran perumahan merupakan perkara penting yang perlu dititik beratkan dalam menjamin kesejahteraan penduduk (Ali *et al.*, 2015). Justeru itu, keselamatan merupakan aspek penting dalam kehidupan seharian masyarakat agar lebih terjamin dan berkualiti. Keselamatan merupakan

sesuatu keadaan persekitaran yang terpelihara daripada risiko bahaya, bencana atau gangguan yang boleh menyebabkan berlakunya kemalangan (Abdullah, 2011). Menurut kajian daripada Selamat *et al.*, (2018), kawasan perumahan PPR merupakan perkara penting untuk dititikberatkan kerana penafian kepentingan aspek keselamatan ini akan memberi kesan buruk kepada masyarakat termasuk golongan remaja yang masih dalam proses awal perkembangan hidup. Sekiranya aspek keselamatan dan persekitaran tidak diberi perhatian yang sewajarnya akan menyebabkan masalah-masalah seperti seperti gejala ponteng sekolah, kecurian, isu lepak, jenayah pelbagai, mengambil bahan terlarang dan gangguan kemudahan awam boleh berlaku.

(b) Faktor Kesihatan

Kualiti perumahan yang baik mendorong kepada kesihatan penduduk. Menurut Yusof (2019), masalah kesihatan yang dihadapi oleh penduduk perumahan kos rendah adalah masalah tekanan. Penduduk perumahan kos rendah merasa tertekan disebabkan oleh faktor kualiti perumahan dan persekitaran seperti kesesakan penduduk, kemudahan tempat letak kereta, kos pengangkutan, tahap kebersihan, pencemaran (udara dan bau), keselesaan terma dan keselamatan. Masalah kesihatan disebabkan oleh tekanan perumahan terbahagi kepada dua jenis iaitu tekanan fizikal dan tekanan emosi sehingga boleh memberi kesan negatif terhadap kehidupan penghuni. Oleh itu, kualiti perumahan yang rendah boleh menjejaskan kesihatan penduduk perumahan di sesebuah kawasan.

(c) Faktor Kualiti Hidup

Kualiti hidup yang baik akan meningkatkan pencapaian kehidupan seseorang menjadi lebih baik. Menurut Haryati (2012), suasana yang selesa di dalam sebuah tempat kediaman merupakan sebahagian aspek keselesaan yang perlu diberi keutamaan dalam sesuatu pembangunan perumahan bagi memberi kehidupan yang berkualiti kepada penghuni. Keselesaan terma di dalam dan di luar rumah merupakan antara aspek yang penting dikaji dan dinilai bagi memastikan pembangunan pesat negara turut mengambil kira keselesaan penghuni rumah dan bukan sekadar menyediakan tempat tinggal sahaja. Menurut Haryati (2012) lagi, keselesaan terma adalah berbeza-beza mengikut jenis rumah. Oleh itu, penyediaan tempat tinggal yang mengabaikan aspek keselesaan terma boleh mempengaruhi kualiti hidup penduduk.

(d) Faktor Fizikal Rumah

Masalah fizikal rumah merujuk kepada masalah kerosakkan pada struktur fizikal bangunan kediaman. Menurut Tazkiya (2013), kerosakan pada bangunan adalah apabila komponen bangunan tidak berfungsi akibat daripada usia bangunan itu sendiri, perilaku manusia atau alam semula jadi. Masalah fizikal rumah seperti berlaku kerosakan pada dinding rumah dapat dilihat merupakan perkara yang sering terjadi sehingga memberi kerisauan kepada penghuni kediaman. Kerosakan yang berlaku pada bangunan dapat menimbulkan ketidakselesaan dan peningkatan kos penyelenggaraan bangunan. Oleh itu, fizikal rumah yang baik akan meningkatkan tahap kualiti sesebuah perumahan.

2.4 Tahap Kepuasan Penduduk Terhadap Kualiti Perumahan

Terdapat beberapa indikator bagi mengukur kepuasan penduduk terhadap kualiti perumahan iaitu seperti berikut:

(a) Aspek Fizikal Rumah

Rumah yang selesa menjamin kualiti hidup penghuni rumah. Setiap projek perumahan mempunyai spesifikasi perancangan dan rekabentuk tersendiri mengikut jenis perumahan yang dibangunkan. Bagi perumahan kos rendah, spesifikasi perancangan dan rekabentuk perlu mengikut Standard Perumahan Kebangsaan Bagi Perumahan Kos Rendah Rumah Pangsa. Ciri-ciri fizikal rumah PPR seperti mempunyai 3 bilik tidur, 1 ruang tamu, 1 ruang dapur dan 2 bilik air (KPKT, 2012). Fizikal rumah perlulah sempurna bagi menjamin keselesaan penghuni.

(b) Aspek Keselamatan

Masalah keselamatan merupakan antara perkara yang perlu dititikberatkan bagi mengurangkan risiko kemalangan, kecederaan dan kebakaran di kawasan perumahan. Dasar Komuniti Negara menyatakan bahawa kebanyakan perumahan PPR jenis bertingkat lebih cenderung untuk berlaku kemalangan malah sukar untuk memberikan bantuan atau pertolongan (DKN, 2019). Oleh itu, aspek keselamatan merupakan perkara utama bagi menjamin kelestarian kehidupan penduduk perumahan PPR (Azita *et al*, 2015).

(c) Aspek Sosial

Aspek sosial perlu dititikberatkan supaya masyarakat dapat menjalani kehidupan yang sejahtera. Hubungan sosial antara masyarakat perlu diperkukuhkan bagi manusia yang tinggal di kawasan perumahan. Hubungan kejiwaan mewujudkan interaksi sosial yang sempurna dan mampu menggalakkan perpaduan dalam kalangan penduduk setempat (Hussain *et al*, 2011). Sebaliknya, keadaan persekitaran perumahan yang tidak menjamin struktur sosial yang berkesan seperti hubungan kejiwaan yang lemah, hubungan kekeluargaan yang tidak rapat dan sempurna memberi kesan kepada penduduk (Selamat *et al*, 2018). Oleh itu, memiliki hubungan kejiwaan yang baik dapat meningkatkan aspek sosial di sesebuah kawasan perumahan.

(d) Aspek Kemudahan Asas

Kemudahan asas bagi kawasan perumahan sangat penting. Kawasan perumahan yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan asas yang baik dapat meningkatkan kualiti perumahan di sesuatu kawasan. Perumahan PPR akan dilengkapi dengan ciri-ciri kemudahan asas seperti dewan komuniti atau ruang orang ramai, surau, gerai makan, tadika, kemudahan OKU, taman permainan atau kawasan lapang dan rumah sampah (KPKT, 2019).

(e) Aspek Persekitaran

Aspek persekitaran sangat penting bagi sesebuah kawasan perumahan. Isu kawasan perumahan di bandar-bandar utama sering diperkatakan. Oleh itu, konsep bandar selamat merupakan konsep mikro bagi tujuan mencapai matlamat pembangunan yang lebih makro iaitu mewujudkan suasana bandar mapan dan berdaya huni (Abdul Malek & Ibrahim, 2015).

2.5 Langkah –Langkah Meningkatkan Kualiti Perumahan PPR

Terdapat beberapa langkah yang boleh dilakukan bagi meningkatkan kualiti perumahan PPR iaitu:

(a) Infrastruktur dan Penyelenggaraan.

Perumahan yang baik dan berkualiti merujuk kepada perumahan yang mempunyai infrastruktur yang mencapai persekitaran kehidupan yang berdaya huni dan mampan (DKN, 2019). Masalah pengurusan dan penyelenggaraan seperti lif sering menjadi isu bagi perumahan PPR. Oleh itu, cadangan yang sesuai adalah kontraktor bekerjasama dengan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP) dalam menjalankan kerja penyelenggaraan lif (BH Online, 2019).

(b) Kebersihan, Alam Sekitar dan Kesihatan

Penduduk perlu sentiasa memastikan kawasan perumahan mereka bersih dan bebas daripada ancaman penyakit dan wabak (DKN, 2019). Oleh itu, amalan kitar semula boleh diterapkan oleh penduduk perumahan PPR dan ini dapat meningkatkan kesedaran dalam menjaga kebersihan perumahan.

(c) Keselamatan

Keselamatan merupakan perkara utama yang perlu dititikberatkan bagi mengurangkan risiko seperti kemalangan, kecederaan dan kebakaran di kawasan perumahan. Selain itu, isu kecurian, pengedaran dan penagihan dadah, vandalism, kacau ganggu serta jenayah pelbagai juga menimbulkan rasa tidak selamat dalam kalangan komuniti (DKN, 2019). Bagi meningkatkan aspek keselamatan, pihak pemaju perumahan boleh memasang kamera litar tertutup (CCTV) di setiap kawasan perumahan yang berisiko tinggi berlaku kejadian jenayah (BH Online, 2019).

(d) Program Sosial

Hubungan sosial yang baik antara penduduk dapat menjamin persekitaran perumahan yang baik. Program kemasyarakatan seperti gotong-royong untuk membersihkan kawasan tempat tinggal dapat membentuk muafakat yang baik dikalangan penduduk (MyMetro, 2019).

3. Metodologi Kajian

Pendekatan secara kuantitatif digunakan bagi tujuan mendapatkan data untuk mencapai objektif kajian. Kaedah kuantitatif bermaksud kaedah analisis kandungan yang diolah ke dalam bentuk angka (Saidin & Abdul Majid, 2012). Pendekatan secara kuantitatif bertujuan untuk mengumpul data primer dengan melibatkan penggunaan borang soal selidik bagi tujuan tinjauan. Kaedah ini dapat memberi maklumat yang tepat dan jelas serta berpotensi memenuhi objektif kajian yang dibuat.

3.1 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data terdiri daripada data sekunder dan data primer. Data primer merupakan data yang diperolehi dari sumber asli yang tidak disediakan dalam bentuk dokumen. Data primer yang digunakan untuk kajian ini diperolehi melalui kaedah kuantitatif iaitu melalui borang soal selidik (Hamid, 2016). Manakala, data sekunder merupakan data yang sudah tersedia yang hanya perlu mencari dan mengumpulkannya (Hamid, 2016). Data sekunder boleh diperolehi dengan mudah dan cepat kerana ianya sudah tersedia seperti hasil daripada pembacaan di perpustakaan dan internet. Walau bagaimanapun, pengkaji perlu membuat beberapa pertimbangan untuk mendapatkan data yang tepat dan sesuai dengan tajuk kajian.

3.2 Instrumen Kajian

Penggunaan borang soal selidik sebagai instrumen kajian adalah lebih mudah untuk dianalisis. Borang soal selidik telah diedarkan kepada responden iaitu penduduk perumahan PPR Taman Putra Damai (Lembah Subang 1), Petaling Jaya, Selangor.

Terdapat empat bahagian dalam melaksanakan borang soal selidik:

- (i) Bahagian A: Latar belakang responden
- (ii) Bahagian B: Faktor menyumbang kepada masalah kualiti perumahan PPR
- (iii) Bahagian C: Tahap kepuasan penduduk terhadap kualiti perumahan PPR
- (iv) Bahagian D: Langkah meningkatkan kualiti perumahan PPR

3.3 Populasi dan Persampelan Kajian

Populasi kajian adalah tertumpu kepada penduduk perumahan PPR Taman Putra Damai (Lembah Subang 1), Petaling Jaya, Selangor. Manakala, persampelan kajian ini adalah menggunakan persampelan secara rawak. Sampel yang sesuai bagi populasi sebanyak 3004 ialah 341 (Krejcie dan Morgan, 1970).

3.4 Kaedah Analisis Data

Semua data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS. Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan nilai min dan diukur menggunakan kekerapan dan purata indeks (PI). Jadual 1 menjelaskan tahap kekerapan bagi objektif pertama dan ketiga. Manakala, Jadual 2 digunakan sebagai rujukan bagi mengetahui tahap kekerapan bagi objektif kedua.

Jadual 1: Purata indeks bagi skala likert (McCaffer dan Majsid, 1997)

Skala	Kekerapan	Purata Indeks (PI)
1	Sangat Tidak Setuju	0.00 < PI > 1.50
2	Tidak Setuju	1.50 < PI > 2.50
3	Tidak Pasti	2.50 < PI > 3.50

4	Setuju	3.50 < PI > 4.50
5	Sangat Setuju	4.50 < PI > 5.00

Jadual 2: Purata indeks bagi skala likert (McCaffer dan Majsid, 1997)

Skala	Kekerapan	Purata Indeks (PI)
1	Sangat Tidak Memuaskan	0.00 < PI > 1.50
2	Tidak Memuaskan	1.50 < PI > 2.50
3	Tidak Pasti	2.50 < PI > 3.50
4	Memuaskan	3.50 < PI > 4.50
5	Sangat Memuaskan	4.50 < PI > 5.00

4. Analisis Data dan Keputusan

Analisis data ini telah menjelaskan hasil dapatan yang telah diisi oleh responden melalui kaedah borang soal selidik. Jumlah maklum balas yang diterima adalah sebanyak 123 yang terdiri daripada penduduk perumahan PPR Taman Putra Damai (Lembah Subang 1), Petaling Jaya, Selangor. Analisis ini disusun mengikut objektif yang telah ditetapkan dan akan dibincangkan secara lebih terperinci.

4.1 Latar Belakang Responden

Jadual 3 menunjukkan analisis maklumat latar belakang responden. Maklumat latar belakang responden adalah penting dalam kajian ini.

Jadual 3: Ringkasan analisis maklumat latar belakang responden

Perkara	Kekerapan	Peratus (%)
1. Jantina Responden		
Lelaki	61	49.6
Perempuan	62	50.4
Jumlah	123	100 %
2. Bangsa Responden		
Melayu	119	96.7
India	2	1.6
Lain-lain	2	1.6
Jumlah	123	100%
3. Bilangan Isi Rumah Responden		
1-4 orang	71	57.7
5-8 orang	52	43.2
Jumlah	123	100 %
4. Taraf Pemilikan Rumah Responden		
Sendiri	49	39.8
Sewa	74	60.2
Jumlah	123	100 %
5. Status Pekerjaan Responden		
Swasta	73	59.3
Kerajaan	5	4.1

Berniaga/Bekerja sendiri	26	21.1
Tidak bekerja	15	12.2
Lain-lain	4	3.3
Jumlah	123	100 %
6. Pendapatan Isi Rumah Responden		
Kurang RM1,000	13	10.6
RM1,001 sehingga RM3,000	95	77.2
RM3,001 sehingga RM5,000	13	10.6
Lebih RM5,001	2	1.6
Jumlah	123	100 %

Berdasarkan Jadual 3, jantina responden bagi perempuan mendahului 50.4 % berbanding responden lelaki sebanyak 49.6%. Selain itu, majoriti responden terdiri daripada bangsa melayu sebanyak 96.7%. Di samping itu, responden yang mempunyai 1 sehingga 4 orang bilangan isi rumah adalah paling tinggi sebanyak 57.7%. Seterusnya, taraf pemilikan rumah bagi sewaan menunjukkan nilai paling tinggi sebanyak 60.2%. Manakala, majoriti responden memiliki status pekerjaan dalam sektor swasta sebanyak 59.3%. Akhir sekali, kebanyakan responden memperolehi pendapatan isi rumah sebanyak RM 1,001 sehingga RM 3,000 bersamaan 77.2%.

Secara keseluruhannya, pemilihan responden adalah bersesuaian dengan kajian. Hal ini dapat dibukti melalui kriteria-kriteria bagi memohon perumahan PPR seperti pendapatan isi rumah kurang daripada RM 3,000 sebulan, pemohon mestilah warganegara Malaysia, pekerja kilang dan kakitangan awam (LPHS, 2011).

4.2 Faktor-Faktor Menyumbang Kepada Masalah Kualiti Perumahan PPR.

Faktor-faktor yang menyumbang kepada masalah kualiti perumahan PPR adalah sepertimana di Jadual 4 di bawah.

Jadual 4: Faktor-Faktor Yang Menyumbang Kepada Masalah Kualiti Perumahan PPR

Bil	Faktor – faktor yang menyumbang kepada masalah kualiti perumahan PPR	Min	Kedudukan
A)	Faktor Keselamatan		
1.	Masalah kawalan keselamatan seperti tiada pengawal keselamatan yang menjaga kawasan kediaman.	4.34	7
2.	Lif tidak diselenggara dengan baik menyebabkan kemalangan maut.	4.30	8
3.	Kawasan kediaman tidak berpagar membawa kepada risiko kecurian motosikal.	4.52	3
4.	Kehilangan penghalang besi di kawasan tangga mendatangkan risiko berbahaya kepada kanak-kanak.	4.46	5
5.	Taman permainan tidak diselenggara dengan baik yang boleh membawa kepada kecederaan kepada kanak-kanak.	4.65	1
B)	Faktor Kesihatan		
6.	Pencemaran bau akibat longgokan sampah di kawasan kediaman menyebabkan masalah seperti sesak nafas dan asma.	4.57	2
7.	Kepadatan bilangan ahli dalam kediaman membawa kepada masalah tekanan mental dan emosi.	4.36	6
8.	Kawasan persekitaran kediaman yang tidak bersih akibat takungan air membawa kepada masalah denggi.	4.65	1
9.	Pencemaran bunyi yang dihasilkan oleh kenderaan-kenderaan di kawasan kediaman menyebabkan gangguan kehidupan penduduk seperti gangguan komunikasi antara manusia dan gangguan tidur.	4.51	4

C) Faktor Kualiti Hidup			
10.	Jarak tempat kerja yang jauh dengan kediaman.	2.33	13
11.	Kemudahan sosial seperti sekolah ,bank dan balai polis yang jauh dengan kediaman.	2.20	15
12.	Kemudahan infrastruktur seperti perkhidmatan pengangkutan dan kemudahan internet yang jauh dengan kediaman.	2.24	14
13.	Reka bentuk saiz dan ruang yang sempit membawa kepada masalah ketidakselesaan oleh penghuni kediaman.	4.20	11
D) Faktor Fizikal Rumah			
14.	Retakkan dibahagian dinding rumah kediaman disebabkan oleh penggunaan bahan binaan yang tidak berkualiti.	4.13	12
15.	Pencahayaan dan pengudaraan yang tidak mencukupi di dalam kediaman membawa kepada penggunaan tenaga elektrik yang tinggi.	4.28	9
16.	Sistem pendawaian elektrik di kawasan kediaman yang tidak selamat membawa kepada risiko keselamatan penduduk.	4.26	10

Berdasarkan kepada Jadual 4, faktor yang menyumbang kepada masalah kualiti perumahan PPR yang paling tinggi diwakili oleh dua faktor iaitu taman permainan tidak diselenggara dengan baik dan kawasan persekitaran kediaman yang tidak bersih akibat takungan air membawa kepada masalah denggi. Kedua-dua faktor ini mencatatkan nilai min sebanyak 4.65. Dalam hal ini, taman permainan yang tidak diselenggara dengan baik membawa kepada masalah kecederaan kepada kanak-kanak. Menurut Norraliza (2019), kes kemalangan yang berlaku di taman permainan yang melibatkan kanak-kanak berumur di antara 5 sehingga 9 tahun dianggarkan sebanyak 3000 kes bagi setiap tiga bulan. Manakala, kawasan persekitaran perumahan PPR yang tidak bersih akibat takungan air hujan boleh membawa kepada masalah kesihatan seperti denggi. Malaysia mencatatkan jumlah kes denggi terkumpul di seluruh negara sejak Januari 2020 sehingga 1 Ogos adalah sebanyak 64,396 kes (Berita RTM, 2020).

Pencemaran bau akibat longgokan sampah di kawasan kediaman juga menjadi salah satu faktor kesihatan penyumbang kepada masalah kualiti perumahan PPR. Masalah ini menjadi faktor kedua tertinggi yang mencatatkan nilai min sebanyak 4.57. Pencemaran bau akibat longgokan sampah di kawasan kediaman menyebabkan gangguan masalah kesihatan seperti sesak nafas dan asma bagi penduduk perumahan PPR.

Akhir sekali, faktor kawasan kediaman tidak berpagar berada pada kedudukan ketiga tertinggi merujuk kepada kekerapan sangat setuju dengan mencatat nilai min sebanyak 4.52. Kawasan kediaman yang tidak berpagar boleh membawa kepada risiko kecurian harta benda seperti motosikal penduduk perumahan. Hasil kajian ini adalah sama dengan kajian Manap *et al.*, (2020) yang menyatakan bahawa perumahan yang berpagar adalah mempunyai tahap keselamatan yang tinggi dan dapat menurunkan kadar jenayah di kawasan kediaman.

4.3 Tahap Kepuasan Penduduk Terhadap Kualiti Perumahan PPR.

Hasil analisis dapatan data adalah seperti di Jadual 5.

Jadual 5: Tahap Kepuasan Penduduk Terhadap Kualiti Perumahan PPR

Bil	Tahap kepuasan penduduk terhadap kualiti perumahan PPR.	Min	Kedudukan
A) Aspek Fizikal Rumah			
1.	Reka bentuk bangunan kediaman.	3.75	5
2.	Saiz dan ruang dapur kediaman.	3.55	9
3.	Saiz dan ruang bilik tidur kediaman.	3.72	6
4.	Saiz dan ruang bilik air kediaman.	3.69	7
5.	Saiz dan ruang tamu kediaman.	3.93	4
6.	Saiz dan ruang makan kediaman.	2.55	11

B) Aspek Sosial		
7. Hubungan kejiranan di kawasan kediaman.	3.57	8
8. Pembangunan sosial kanak-kanak seperti taman permainan bagi menjamin kesejahteraan sosial.	2.31	12
9. Organisasi perkhidmatan khas seperti bantuan kepada golongan miskin, cacat dan orang tua di kawasan kediaman.	3.04	10
C) Aspek Keselamatan		
10. Kawalan keselamatan kediaman.	2.07	13
11. Akses keluar masuk kediaman.	2.02	14
12. Risiko masalah jenayah seperti kecurian.	1.63	17
D) Aspek Kemudahan Asas		
13. Menyediakan kemudahan surau yang selesa dan bersesuaian dengan kapasiti penduduk di kawasan kediaman.	4.35	2
14. Menyediakan kemudahan taman permainan kanak-kanak yang selamat dan selesa di kawasan kediaman.	1.84	15
15. Menyediakan kemudahan rumah sampah di kawasan kediaman.	1.80	16
16. Menyediakan padang bola sepak yang selesa.	1.80	16
17. Menyediakan kemudahan tempat letak kenderaan yang mencukupi bagi penduduk perumahan PPR.	1.38	19
18. Kemudahan utiliti seperti air dan elektrik di kawasan kediaman.	4.30	3
E) Aspek Persekitaran		
19. Tahap pencemaran di kawasan kediaman.	1.63	17
20. Tahap kebersihan di kawasan kediaman.	1.58	18
21. Lokasi kediaman yang strategik. seperti berdekatan dengan sekolah, klinik dan kedai.	4.44	1

Berdasarkan Jadual 5, nilai min tertinggi yang diperolehi ialah sebanyak 4.44. Kebanyakan responden menyatakan kekerapan memuaskan terhadap lokasi kediaman PPR Taman Putra Damai (Lembah Subang 1) adalah strategik seperti berdekatan dengan sekolah, klinik dan kedai. Ini bermaksud, kawasan perumahan PPR Lembah Subang 1 berada di kawasan yang strategik. Aspek persekitaran sangat penting bagi sesebuah kawasan perumahan tidak kira sama ada di kawasan bandar mahupun kawasan luar bandar.

Tahap kepuasan penduduk terhadap kualiti perumahan PPR seperti menyediakan kemudahan surau yang selesa dan bersesuaian dengan kapasiti penduduk di kawasan kediaman berada pada kedudukan kedua tertinggi dengan mencatatkan nilai min sebanyak 4.35. Majoriti responden menyatakan kekerapan memuaskan dengan kemudahan surau yang disediakan di kawasan perumahan PPR. Surau merupakan kemudahan asas yang digunakan oleh semua umat islam bagi aktiviti keagamaan. Kemudahan keagamaan seperti surau yang disediakan di kawasan kediaman memainkan peranan penting dalam pembangunan komuniti serta kesejahteraan (CIDB, 2019). Oleh itu, kemudahan surau yang selesa dan besar mengikut kapasiti penduduk di kawasan kediaman amatlah penting.

Akhir sekali, kemudahan utiliti sebagai pengukur tahap kepuasan penduduk terhadap kualiti perumahan PPR. Kemudahan utiliti seperti air dan elektrik di kawasan kediaman mencatatkan nilai min kedua tertinggi iaitu sebanyak 4.30 dan berada pada kedudukan ketiga tertinggi. Majoriti responden mengatakan bahawa kemudahan utiliti di kawasan perumahan PPR berada pada tahap kekerapan memuaskan. Kemudahan utiliti bagi setiap kawasan perumahan perlu sentiasa dalam keadaan yang baik dan memuaskan bagi menjamin keselesaan penghuni kediaman.

4.4 Langkah-Langkah Meningkatkan Kualiti Perumahan PPR.

Jadual 6 menunjukkan langkah – langkah meningkatkan kualiti perumahan PPR.

Jadual 6: Langkah-Langkah Meningkatkan Kualiti Perumahan PPR

Bil	Langkah-Langkah Meningkatkan Kualiti Perumahan PPR.	Min	Kedudukan
1.	Penyediaan dan pemasangan kemudahan CCTV bagi meningkatkan keselamatan di kawasan kediaman.	4.50	7
2.	Pengawasan dan pengawalan ketat seperti penghuni yang memiliki pas penghuni kediaman sahaja dibenarkan masuk dan keluar.	4.49	8
3.	Pelaksanaan program pengawalan keselamatan seperti aktiviti sukarelawan rukun tetangga di kawasan kediaman bagi mengurangkan masalah jenayah.	4.58	5
4.	Pelaksanaan program kemasyarakatan seperti gotong – royong bagi mengeratkan hubungan kejiwaan di kawasan kediaman.	4.54	6
5.	Menambah kapasiti ruang tempat letak kenderaan di kawasan kediaman.	4.74	3
6.	Menjaga kebersihan kawasan kediaman seperti amalan kitar semula.	4.76	1
7.	Menyediakan kemudahan mesra OKU untuk golongan OKU di kawasan kediaman.	4.58	5
8.	Pihak Berkuasa Tempatan perlu meningkatkan tahap pengurusan dan penyelenggaraan perumahan PPR seperti membuat pemeriksaan secara berkala di kawasan kediaman.	4.75	2
9.	Pelaksanaan konsep Bandar Selamat yang berkaitan dengan kawasan perumahan.	4.72	4
10.	Menyediakan kemudahan rumah sampah yang mencukupi di setiap blok bangunan mengikut kapasiti penduduk kediaman.	4.74	3
11.	Mengatasi masalah pencemaran bau/udara dengan meningkatkan tahap perkhidmatan pengurusan sampah di kawasan kediaman.	4.75	2

Berdasarkan Jadual 6, langkah menjaga kebersihan kawasan kediaman merupakan langkah yang paling utama bagi meningkatkan kualiti perumahan PPR yang memiliki nilai min paling tinggi iaitu 4.76. Penduduk perlu sentiasa memastikan kawasan perumahan mereka bersih dan bebas daripada ancaman penyakit dan wabak (DKN, 2019). Oleh itu, amalan kitar semula perlu diterapkan oleh penduduk perumahan PPR bagi meningkatkan kebersihan kawasan kediaman.

Seterusnya, terdapat dua langkah yang menduduki kedudukan kedua tertinggi iaitu PBT perlu meningkatkan tahap pengurusan dan penyelenggaraan perumahan PPR seperti membuat pemeriksaan secara berkala di kawasan kediaman dan mengatasi masalah pencemaran bau atau udara dengan meningkatkan tahap perkhidmatan pengurusan sampah di kawasan kediaman. Langkah kedua tertinggi ini mencatatkan nilai min masing-masing sebanyak 4.75. PBT perlu memainkan peranan yang penting dalam memastikan kualiti perumahan PPR sentiasa dalam keadaan baik.

Akhir sekali, dua langkah meningkatkan kualiti perumahan PPR yang mempunyai nilai min yang sama iaitu menambah kapasiti ruang tempat letak kenderaan di kawasan kediaman dan penyediaan kemudahan rumah sampah yang mencukupi di setiap blok bangunan mengikut kapasiti penduduk kediaman menunjukkan nilai min ketiga tertinggi. Kedua-dua langkah ini mencatatkan nilai min sebanyak 4.74. Masalah kekurangan tempat letak kenderaan terutamanya bagi kenderaan kereta telah menyebabkan masalah kesesakan ruang jalan. Manakala, penyediaan kemudahan rumah sampah di setiap blok bangunan perumahan PPR dapat meningkatkan tahap kebersihan kawasan kediaman.

5. Kesimpulan

Kualiti perumahan yang baik mampu mempengaruhi tahap kepuasan penduduk yang tinggi dalam sesebuah kawasan perumahan. Faktor – faktor yang menyumbang kepada kualiti perumahan PPR penting untuk dikaji untuk melihat langkah-langkah yang sesuai dilaksanakan untuk mengatasi masalah yang berlaku yang boleh menjejaskan kualiti perumahan tersebut. Faktor utama yang menyumbang

kepada masalah kualiti perumahan PPR adalah faktor keselamatan yang berpunca daripada kawasan taman permainan tidak diselenggara dengan baik sehingga membawa kepada kecederaan kepada kanak-kanak. Selain itu, faktor kesihatan yang berpunca daripada kawasan persekitaran kediaman yang tidak bersih akibat takungan air sehingga membawa kepada masalah denggi.

Banyak aspek yang perlu diberi perhatian bagi mengetahui sejauhmana tahap kepuasan penduduk terhadap kualiti perumahan PPR. Antara aspek tersebut ialah aspek fizikal rumah, sosial, keselamatan, kemudahan asas dan persekitaran. Penduduk perumahan PPR sangat berpuashati dengan aspek persekitaran kawasan kediaman yang menunjukkan lokasi kediaman yang strategik seperti berdekatan dengan sekolah, klinik dan kedai. Namun, aspek kemudahan asas seperti tempat letak kenderaan yang tidak mencukupi menunjukkan tahap kepuasan yang sangat rendah bagi penduduk perumahan PPR. Kebersihan kawasan kediaman merupakan perkara penting bagi menjamin kesejahteraan penduduk. Pihak berkepentingan seperti PBT dan agensi tertentu perlu memainkan peranan yang baik dalam meningkatkan kualiti perumahan PPR agar dapat memberi kesejahteraan kepada penduduk perumahan PPR.

Penghargaan

Jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada staf di Jabatan Pengurusan Pembinaan, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP), dan staf di FPTP UTHM yang telah banyak menyokong dalam melaksanakan kajian ini.

Rujukan

- Abdullah, A. A. L. (2011). *Pengurusan keselamatan menyeluruh di tapak bina*. Johor Bahru, Fakulti Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ali, A., Abdul Halim, N. H., Idris, S. Isa, K., Sulong, S., Warman, S dan Esa, A. (2015). Tahap keselamatan kediaman perumahan flat Taman Cendana: Satu kajian. Prosiding Antarabangsa Kelestarian Insan Kali ke 2. The Royal Bintang & Spa, Seremban.
- Buletin TTKM. (2019). Sudah 6 tahun, bila masalah PPR Lembah Subang 1 nak selesai?. Dicapai di <https://ttkm.com.my/2019/07/02/sudah-6-tahun-bila-masalah-ppr-lembah-subang-1-nak-selesai/>
- BH Online. (2019, Ogos 4). Syor tambah baik penyelenggaraan lif PPR, PA. Dicapai di <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/08/592504/syor-tambah-baik-penyelenggaraan-lif-ppr-pa>
- BH Online. (2019, Februari 26). Pasang CCTV di kawasan berisiko berlaku jenayah – MCPF. Dicapai di <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/02/535292/pasang-cctv-di-kawasan-berisiko-berlaku-jenayah-mcpf>
- CIDB Malaysia. (2019). Standard Industri Pembinaan. Dicapai di https://www.cidb.gov.my/sites/default/files/2020-04/CIS26_2019.pdf
- Dasar Perumahan Negara 2018-2025. (2018). Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
- Farrar, H.B. (2018). *Aplikasi Qlassic Di Kalangan Kontraktor Kelas Kecil Dan Sederhana Di Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Ghani, R., Jaffar, M., dan Daud, M. M. (2014). Faktor-Faktor Penentu Kepuasan Perumahan Yang Memberi Kesan Terhadap Gelagat Pembayaran Caj Perkhidmatan Bagi Perumahan Bertingkat. *Jurnal Intelek, Vol 9(1)*, 52-62.
- Goh, A. T. dan Yahaya, A. (2011). *Public Low-Cost Housing In Malaysia: Case Studies On Ppr Low-Cost Flats In Kuala Lumpur*. University of Malaya
- Hamzahara, K. (2015). *PANDUAN KEDIAMAN PERTAMAKU: Panduan tentang kediaman dari A-Z*. Dicapai di <https://books.google.com.my>
- Hamid, A. (2016). *Kaedah Penyelidikan & Penulisan Laporan Projek Tahun Akhir*. Universiti Malaysia Kelantan
- Haryati, S. (2012). Keselesaan terma rumah kediaman dan pengaruhnya terhadap kualiti hidup penduduk. *Malaysia Journal of Society and Space, 8 issue 4*, (28-43).
- Junaidi, A. B. (2018). Analisis perkembangan pembangunan perumahan awam di Selangor. *Malaysian Journal of Society and Space, 14 issue 1*, 40-54.
- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, (2012). Program Perumahan Rakyat (PPR). Dicapai pada <https://ehome.kpkt.gov.my/index.php/pages/view/133>

- Malek, N. M. dan Husin, A. (2012). Pemilikan Rumah dalam Kalangan Masyarakat Bandar Berpendapatan Sederhana dan Rendah di Malaysia. *SOSIOHUMANIKA*, 5(2), 269–284.
- My Metro. (2015, November 2). PPR=Penagih Paling Ramai. Dicapai di <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2015/11/90063/pprpenagih-paling-ramai>
- My Metro. (2019, September 7). Galak program gotong-royong. Dicapai di <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/09/494198/galak-program-gotong-royong>
- Malaysiakini. (2018). 58% PPR dan PA di KL jadi lokasi paling berisiko tinggi penagihan dadah. Dicapai pada <https://www.malaysiakini.com/news/450856>
- N. Hamzah, M.A. Khoiry, M.A.M. Ali, N.S. Zaini, I. Arshad. (2011). Faktor Luaran dan Dalaman yang Mempengaruhi Harga Rumah Teres Di Bandar Baru Bangi. *Journal Design + Built, Volume 4*, 1-8.
- Rolyselra, O. R. (2017). *Kajian Terhadap Kos Pembinaan Rumah Kos Rendah Di Sarawak*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Laporan projek Sarjana
- Salleh, A. G. dan Badarulzaman, N. (2012). Quality of Life of Residents in Urban Neighbourhoods of Pulau Pinang, Malaysia. *Journal of Construction in Developing Countries*, 17(2), 117-123.
- Syaubari, M. O., dan Kassim, A. Y. (2018). Kajian Rintis Bagi Pelaksanaan Komposisipengajaran Guru Pendidikan Islam Yang Mengintegrasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (Kbat) Menerusi Pendidikan Akidah Sekolah Rendahdi Malaysia. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education* Vol. 2, No. 2, 55-60.
- Selamat, M., Ibrahim, F., Nen, S., Sarnon, N., Subhi, N., Shaari, A. H., Sannusi, S. N., dan Ab Rahman, Z. (2018). Keselamatan persekitaran perumahan dalam kalangan remaja di kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR). *Malaysian Journal of Society and Space* 14 issue 4, 115-126.
- Siddiqui, S. dan Mehfooz, B. (2017). Influence of Housing Quality on Public Health in Lahore, Pakistan. *Proceedings of the Pakistan Academy of Sciences: Pakistan Academy of Sciences B. Life and Environmental Sciences* 54 (3), 237–257.
- Sulaiman, F. C., Hasan, R., dan Jamaluddin, E. R. (2016). Users Perception of Public Low Income Housing Management in Kuala Lumpur. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 234, 326 – 335.
- Tarrence, T. (2016). Sampah dan jenayah jadi teman hidup penghuni PPR. Dicapai di <https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/2016/08/17/sampah-dan-jenayah-jadi-teman-hidup-penghuni-ppr/>
- Yusof, M. (2012). *Kepuasan Penduduk Program Perumahan Rakyat Terhadap Kualiti Perumahan Kajian Kes: Projek Perumahan Rakyat Sri Iskandar, Pasir Pelangi, Johor Bahru Dan Projek Perumahan Rakyat Desa Mutiara, Tebrau, Johor Bahru*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana
- Yusof, N. (2019). Faktor Penyumbang kepada Tekanan Perumahan di Kawasan Perumahan Kos Rendah dan Sederhana Rendah di Pulau Pinang. *Kemanusiaan the Asian Journal of Humanities* 26(1), Vol. 26, No. 1, 143–171, <https://doi.org/10.21315/kajh2019.26.1.6>
- Zaini, Z. H. dan Mansor, M. (2019). Persepsi guru prasekolah kebangsaan terhadap program pembangunan profesional guru. *Southeast Asia Early Childhood Journal* Vol. 8 (1), 31-36.
- Zulkepli, M. (2011). *Pembangunan Model Penentuan Keperluan Perumahan. Kajian Kes: Johor Bahru, Malaysia*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana Muda.